



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984

DR.01/1984

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyarannya dalam *Warta*, kecuali seksyen 4 (a) yang hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 16hb Disember 1983.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Perkara 66 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 66.

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Perkara ini,” selepas perkataan “dan” dalam Fasal (1);

(b) dengan menggantikan Fasal (4) dengan Fasal (4), (4A) dan (4B) yang berikut:

“(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong—

(a) memperkenankan Rang Undang-Undang itu dengan menyebabkan Rang Undang-Undang itu dicap dengan Mohor Besar; atau

(b) jika Rang Undang-Undang itu bukan Rang Undang-Undang wang, mengembalikannya kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu dikemukakan pada asalnya bersama-sama dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahannya terhadap Rang Undang-Undang itu, atau mana-mana peruntukannya.

(4A) Jika Yang di-Pertuan Agong mengembalikan sesuatu Rang Undang-Undang kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu dikemukakan pada asalnya menurut Fasal (4) (b), Majlis Parlimen hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menimbangkan semula Rang Undang-Undang itu. Jika selepas ditimbang semula, Rang Undang-Undang itu diluluskan dengan kiraan undi tidak kurang daripada dua pertiga jumlah ahli Majlis Parlimen dalam hal suatu Rang Undang-Undang bagi membuat sesuatu pindaan kepada Perlembagaan selain daripada suatu pindaan yang dikecualikan menurut Perkara 159, dan mengikut lebih suara dalam hal suatu Rang Undang-Undang lain, dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-Undang itu hendaklah dihantar bersama-sama dengan bantahan-bantahan kepada Majlis Parlimen yang satu lagi, yang hendaklah menimbang semula Rang Undang-Undang itu, dan jika diluluskan dengan cara yang sama oleh ahli-ahli Majlis Parlimen itu, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah memperkenalkan Rang Undang-Undang itu dalam tempoh tiga puluh hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan kepada Baginda.

(4B) Jika Yang di-Pertuan Agong tidak melakukan apa yang ditetapkan dalam Fasal (4) atau (4A), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam Fasal (4) atau (4A), mengikut mana yang berkenaan, mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.”;

(c) dengan menggantikan Fasal (5) dengan Fasal (5) yang berikut:

“(5) Sesuatu Rang Undang-Undang adalah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal (4B), tetapi tiada satu pun undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ianya telah di-siarkan, tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen bagi menangguhkan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.”; dan

(d) dengan memansuhkan Fasal (5A).

3. Perkara 150 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 150.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Perdana Menteri” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong”;

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “dia hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya,” yang terdapat dalam Fasal (1) dan menggantikannya dengan perkataan “boleh”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Perdana Menteri” dalam Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong”;

(d) dengan memotong perkataan-perkataan “dan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “yang mengancamkan itu” dalam Fasal (2);

- (e) dengan memotong perkataan-perkataan “untuk mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “oleh Perkara ini” dalam Fasal (2A);
- (f) dengan memotong perkataan-perkataan “sebagaimana dinasihatkan oleh Perdana Menteri,” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “keadaan yang berlainan,” dalam Fasal (2A);
- (g) dengan menambah perkataan-perkataan “oleh Yang di-Pertuan Agong” di antara perkataan-perkataan “dikeluarkan atau tidak” dan perkataan-perkataan “di bawah Fasal (1)” dalam Fasal (2A);
- (h) dengan memotong perkataan-perkataan “Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu diambil tindakan segera, maka dia hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Perdana Menteri berpendapat adalah perlu, dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya mengisytiharkan ordinan-ordinan itu dengan sewajarnya” yang terdapat dalam Fasal (2B) dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan segera, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Yang di-Pertuan Agong berpendapat adalah dikehendaki oleh hal-hal keadaan”;
- (i) dengan menambah perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” di antara perkataan-perkataan “dan kuasa” dan perkataan-perkataan “untuk mengisytiharkan” dalam Fasal (2C);
- (j) dengan menambah perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” di antara perkataan-perkataan “menejaskan kuasa” dan perkataan-perkataan “mengeluarkan suatu Perisytiharan baru” dalam Fasal (3);

- (k) dengan memotong perkataan-perkataan “Perdana Menteri yang disebut dalam Fasal (1), (2) dan (2B)” yang terdapat dalam perenggan (a) Fasal (8) dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B)”; dan
- (l) dengan memotong perkataan-perkataan “, sama ada atau tidak berbangkit di bawah Fasal (2)” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “dinyatakan dalam Fasal (1)” dalam subperenggan (i) perenggan (b) Fasal (8).

4. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Kelapan.

- (a) dengan memansuhkan subseksyen (2) seksyen 4;
- (b) dengan memansuhkan subseksyen (3) seksyen 11 dan menggantikannya dengan yang berikut:
- “(3) Sesuatu Rang Undang-Undang adalah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Raja, tetapi tiada satu pun undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ianya telah disiarkan, tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Badan Perundangan bagi menangguhkan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.”; dan
- (c) dengan memansuhkan subseksyen (4) seksyen 11.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Perlembagaan.

2. *Fasal 2 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 66 Perlembagaan dengan menggantikan Fasal (4) Perkara tersebut dengan Fasal baru (4), (4A) dan (4B). Fasal baru (4) bertujuan membuat peruntukan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda hendaklah diperkenankan oleh Baginda dalam masa tiga puluh hari selepas ianya dipersembahkan kepada

Baginda, tetapi dalam hal suatu Rang Undang-Undang yang bukannya suatu Rang Undang-Undang wang, Baginda boleh dalam tempoh tiga puluh hari tersebut mengembalikan Rang Undang-Undang itu kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu dikemukakan pada asalnya bersama-sama dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahan Baginda kepada Rang Undang-Undang itu, atau kepada mana-mana peruntukan Rang Undang-Undang itu. Fasal baru (4B) Perkara 66 seterusnya membuat peruntukan, antara lain, bahawa jika Yang di-Pertuan Agong tidak melakukan mana-mana daripada perkara-perkara ini dalam tempoh tiga puluh hari yang ditentukan, Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut, dengan cara yang sama seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu.

Fasal baru (4A) Perkara 66 bertujuan membuat peruntukan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong mengembalikan sesuatu Rang Undang-Undang kepada Majlis Parlimen di mana ia telah dikemukakan pada asalnya menurut Fasal (4) (b) Perkara itu, Majlis Parlimen hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menimbang semula Rang Undang-Undang itu. Jika, selepas ditimbang semula, Rang Undang-Undang itu sekali lagi diluluskan oleh Majlis Parlimen itu, dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-Undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi bersama-sama dengan bantahan-bantahan Yang di-Pertuan Agong. Jika Rang Undang-Undang itu sekali lagi diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi, Rang Undang-Undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda dan Baginda hendaklah memperkenankan Rang Undang-Undang itu dalam masa tiga puluh hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan kepada Baginda. Fasal baru (4B) Perkara 66 seterusnya membuat peruntukan, antara lain, bahawa jika Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan Rang Undang-Undang itu dalam tempoh tiga puluh hari, Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut, mengikut cara yang sama seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu.

Fasal 2 (c) Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan Fasal (5) Perkara 66 dengan Fasal baru (5) yang bertujuan membuat peruntukan bahawa suatu Rang Undang-Undang akan menjadi undang-undang setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, atau menurut peruntukan-peruntukan Fasal baru (4B) Perkara 66. Tetapi sesuatu Rang Undang-Undang yang dengan itu menjadi undang-undang tidak akan mula berkuatkuasa sehingga ianya disiarkan; walau bagaimanapun ini tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen bagi menangguh kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.

Fasal 2 (d) Rang Undang-Undang bertujuan membuat suatu pemansuhan yang berbangkit bagi Fasal (5A) Perkara 66.

Fasal 2 (a) Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan kepada Fasal (1) Perkara 66. Pindaan ini berbangkit daripada pindaan-pindaan yang dibuat kepada Perkara 66 di bawah *Fasal 2 (b)* dan *Fasal 2 (c)* Rang Undang-Undang.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 150 Perlembagaan dengan memansuhkan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya oleh seksyen 20 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 dan menggantikannya dengan peruntukan-peruntukan Perkara 150 seperti terdapat sebelum ianya dipinda oleh Akta tersebut. *Akta A566.*

4. *Fasal 4 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 4 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan dengan memansuhkan subseksyen (2) seksyen itu, dengan yang demikian memberi keefkesibelan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menentukan melalui undang-undang bilangan ahli-ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan sebagaimana yang sesuai berkenaan dengan Negeri itu dengan tidak memerlukan bilangan itu merupakan gandaan bilangan Bahagian Pilihanraya Persekutuan yang Negeri itu dibahagi-bahagikan.

Fasal 4 (b) Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 11 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan dengan memansuhkan pindaan yang dibuat kepadanya oleh seksyen 21 (c) Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 dan menggantikannya dengan seksyen 11 (3) yang asal dalam Jadual Kelapan tersebut. *Akta A566.*

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1267.]

D.R.1/84

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1984
Teks Bahasa Malaysia

Pindaan-pindaan yang akan dikemukakan dalam
Jawatankuasa oleh Y.A.B. Perdana Menteri

al 2(b):

Perkara 66(4B) yang terpinda adalah dipinda dengan
menggantikannya dengan yang berikut :

"(4B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak
diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh
yang dinyatakan dalam Fasal (4)(a) atau (4A), Rang
Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang
selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam Fasal
(4)(a) atau (4A), mengikut mana yang berkenaan,
mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah
memperkenankannya.".

ian:
enggan 2.

Gantikan perkataan-perkataan "Yang di-Pertuan Agong
tidak memperkenankan Rang Undang-Undang itu" yang
terdapat di baris 18 dan 19 dengan perkataan-perkataan
"sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh
Yang di-Pertuan Agong".

HURAIAN

Pindaan-pindaan ini adalah cuma pindaan-pindaan di segi
penggubalan.

[PN(U2)1267]

tan Peguam Negara.
Januari 1984.